



# BERITA BUKIT AMAN

*Berintegriti Beretika Amanah*

Bil. 3/2011

[www.rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my)

ISSN 1394 - 8687



## KERAJAAN MANSUHKAN

# ISA



BERITA BUKIT AMAN

ISSN 1394-8687



9 771394 868002

# Dato' Sri Mohd Najib umum mansuhkan ISA

Oleh : SM Megat Nizar

**K**uala Lumpur, 15 September 2011 - Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960.

Dato' Sri Mohd Najib turut mengumumkan pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 di samping mengkaji semula beberapa undang-undang lain bagi memastikan ia memenuhi kehendak semasa.

"Dua undang-undang baru yang sesuai akan digubal di bawah semangat serta payung Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi mencegah perbuatan subversif, keganasan terancang dan perbuatan jenayah supaya ketenteraman dan keselamatan awam sentiasa terpelihara".

"Pokoknya, akta-akta itu nanti bermatlamatkan untuk memelihara keamanan, kesejahteraan, kesentosaan serta kerukunan hidup rakyat dan negara".

"Seperti mana yang saya janjikan dalam ucapan sulung saya semasa saya mula-mula mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 3 April 2009, bahawa ISA akan dikaji secara komprehensif. Sehubungan itu, suka saya mengumumkan pada malam yang bersejarah ini, bahawa ISA akan dimansuhkan terus".

Demikian kata Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, ketika berucap menyampaikan Perutusan Khas Sambutan Hari Malaysia Ke-48, yang disiarkan secara langsung oleh RTM ke seluruh negara.

"Melalui undang-undang baru itu kerajaan akan tetap memastikan hak asasi mereka yang terbabit terpelihara. Apa-apa undang-undang yang diperbuat akan mengambil kira hak dan kebebasan asasi berlandaskan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang baru itu juga akan memperuntukan tempoh tahanan oleh polis yang secara substansialnya lebih pendek daripada apa yang ada sekarang dan apa-apa tahanan lanjut hanya boleh dibuat dengan perintah mahkamah", ujar



Dato' Sri Mohd Najib.

Pada masa yang sama Dato' Sri Mohd Najib turut mengatakan, "undang-undang berkaitan keganasan masih dikekalkan bawah kuasa Menteri. Kerajaan turut memberi komitmen bahawa mana-mana individu tidak akan ditahan semata-mata hanya ideologi politik".

Tambah Dato' Sri Mohd Najib lagi, "kuasa untuk melanjutkan penahanan juga akan beralih daripada badan eksekutif kepada badan kehakiman kecuali undang-undang berkaitan keganasan".

"Kerajaan juga tidak akan teragak-agak

untuk meminda atau memansuhkan undang-undang yang tidak relevan. Kajian semula terhadap beberapa undang-undang negara secara lebih komprehensif turut melibatkan Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984".

"Bagi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, prinsip pembaharuan tahunan akan dihapuskan sebaliknya akan digantikan dengan pengeluaran lesen sehingga ianya dibatalkan".

"Kerajaan juga akan mengkaji semula Seksyen 27 Akta Polis 1967 dengan mengambil kira peruntukan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan berhimpun dengan prinsip menentang sekeras-kerasnya demonstrasi jalanan. Namun kebenaran berhimpun diberikan selaras dengan kaedah-kaedah yang akan ditetapkan kelak di samping mengambil kira norma-norma di peringkat antarabangsa".

Ujar Dato' Sri Mohd Najib, di majlis yang julung kali diadakan itu serta pengumuman yang dibuat disifatkan amat berani dan menepati janji yang dilafazkan oleh seorang pemimpin sebuah negara yang majmuk.



**PENASIHAT**

ACP Ramli Mohamed Yoosuf

**KETUA EDITOR**

Supt. Norisah Ab Hamid

**EDITOR**

DSP Venugopal Navaretnam

**PENOLONG EDITOR**ASP Mohd Fadzil Ismail  
C/Insp. Mohd Zaki Abu Bakar  
Insp. Haslina Muhamad Nor**STAF PENULIS / JURUFOTO**SM Megat Nizar Megat Uda Abdullah  
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din  
Kpl. Noorlidia Mamun  
L/Kpl. Aslam Syir Khan  
L/Kpl. Fansus Jangor  
L/Kpl. Sufian Arshad**PEREKA GRAFIK**

Sjn. Zakaria Muhamad (kia)

**PENTADBIRAN / PENGEDARAN**

Shimatul Aida Maamor

**KEWANGAN**DSP Shahrin Ali  
Baharudin Baba**ALAMAT SURAT MENYURAT**Unit Penerbitan  
Urus Setia KPN (Perhubungan Awam)  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2266 8325/8329

Faks: 03-2266 8330

DICETAK OLEH:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

# Dari Meja Editor

**Salam hormat dan Salam 1Malaysia,**

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam perutusan khas sempena Hari Malaysia Ke-48 pada 15 September 2011, telah mengumumkan permulaan Program Transformasi Politik Negara sebagai pelengkap kepada Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang sedang berlangsung. Ketiga-tiga

perkara ini, bersama-sama Model Baru Ekonomi bermatlamat untuk memastikan wawasan kebangsaan ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai. Teras utama Program Transformasi Politik mengambil kira aspirasi nasional ke arah sebuah Malaysia moden, demokratik, progresif lagi maju dan memiliki demokrasi yang berfungsi.

Proses transformasi ini buat permulaan akan membabitkan pemansuhan tiga proklamasi darurat sedang berjalan iaitu Darurat Tahun 1969 yang melibatkan seluruh negara, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yakni ISA, Akta Buang Negeri 1959, dan kajian semula yang membabitkan Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Seksyen 27 Akta Polis 1967.

Dalam pada itu, kerajaan percaya bahawa Polis Diraja Malaysia kini amat berkebolehan untuk mengumpul bukti secara saintifik dan sistematik dengan adanya peningkatan kemahiran dan kelengkapan teknologi moden bagi membolehkan pendakwaan dilakukan. Serentak dengan itu, kerajaan komited terhadap penambahbaikan profesionalisme Polis Diraja Malaysia dalam usaha memerangi jenayah secara berkesan. Kerajaan juga berpegang kuat bahawa ia dilakukan dalam batas-batas keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan pemeliharaan hak asasi manusia.

Oleh itu, sebagai sebuah organisasi yang menanggung amanah yang berat bagi menjamin keselamatan dan keamanan negara, PDRM perlu menilai semula prestasi kerja bagi tempoh lalu dan seterusnya mengatur dan merancang langkah untuk tahun hadapan dan seterusnya, supaya tidak mengulangi apa-apa kesilapan yang mungkin berlaku dan menentukan pencapaian bagi masa hadapan lebih tinggi dibanding dengan masa yang lalu. Sesungguhnya kejayaan di masa hadapan bergantung kepada kebijaksanaan PDRM merancang dan melaksanakan strategi yang mantap dan teratur. Dalam erti kata lain, kita perlu meningkatkan daya inovatif dan kreativiti kita.

Selamat membaca.

**DSP Venugopal Navaretnam**

# Album Kunjungan Hormat



4 Ogos 2011

H.E. Mr. Thamsanqa Mseleku, South Africa High Commissioner, temui Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara

5 September 2011

Hon Justice Mr. Kaylan Syrestha dari Supreme Court Nepal temui Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar



28 September 2011

Mr. Mart Barety, Duta Besar Perancis, temui Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara



30 September 2011

Mr. Ng Joo Hee, Peter, Commissioner Singapore Police Force, temui Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara





## Dato' Robiah Abdul Ghani Bersara Selepas Berkhidmat 39 Tahun

Oleh : SM Megat Nizar

organisasi kepolisan.

Menurut Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Robiah merupakan pemangkin kepada kemajuan polis wanita dalam PDRM.

"Dato' Robiah telah mencipta satu sejarah baru dalam pasukan Pegawai Kanan Wanita apabila dilantik menjawat salah satu jawatan tertinggi dalam PDRM. Selain menjadi ikon wanita, kejayaannya itu boleh dijadikan titik tolak untuk kita melihat lebih ramai pegawai wanita dalam menyandang jawatan penting dalam organisasi yang terunggul di negara ini", kata Dato' Sri Khalid ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah Pengurusan PDRM di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Jawatan Pengarah Pengurusan PDRM dipangku oleh Dato' Abd Rahim Haji Hanafi, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan).

Sementara itu, Dato' Robiah dalam ucapan ringkasnya, menasihatkan pegawai polis supaya mengamalkan sikap berdisiplin, profesionalisme serta berintegriti untuk berjaya.

"Tiada yang mustahil untuk kita lakukan sesuatu kerana kejayaan bergantung kepada sikap dan usaha kita. Bukan faktor jantina yang menjadi penentu dalam kejayaan karier kita", kata Dato' Robiah, yang juga pernah menyandang jawatan Ketua Polis Pahang.

**K**uala Lumpur 26 Ogos 2011 – Lebih 39 tahun berkhidmat dalam institusi keselamatan negara, Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dato' Robiah Abdul Ghani wajar dianggap sebagai ikon wanita dalam bidang kepolisan.

Dato' Robiah yang bersara pada 2 September 2011, merupakan satu contoh untuk dibanggakan oleh semua peringkat pegawai dan anggota polis, bahawa kaum wanita menempa kejayaan yang cemerlang dalam

## Paluan Berundur Pengarah Pengurusan

Oleh : L/Kpl. Fانسus Jangor

**K**uala Lumpur, 1 September 2011 - Majlis Paluan Berundur sempena persaraan CP Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM telah berlangsung di Dataran Kawad Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Majlis Paluan Berundur dimulakan dengan lakonan sketsa singkat diiringi bacaan biodata CP Dato' Robiah Abdul Ghani oleh C/Insp. Mazratul Akmar Ahamed Sabki, Pengacara Majlis. Menyusul seterusnya, persembahan Pancaragam dengan rangkaian lagu-lagu A. Ramlee dan "Quando-Quando".

Majlis diteruskan dengan bacaan sajak bertajuk 'Permata Polis Diraja Malaysia' yang dideklamasikan oleh DSP Rose Bains Kasim.

Turut hadir pada majlis tersebut Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara bersama isteri Puan Sri Hajah Suriati Md. Sobri, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara bersama isteri Datin Sri Imran Ibrahim, CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam

(KDNKA), CP Dato' Mohd Fuzi Harun, Pengarah Jabatan Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism), CP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik PDRM, CP Datuk Noor Rashid Ibrahim, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan SAC Zulkifli Mohamed, Komandan PULAPOL Kuala Lumpur.

CP Dato' Robiah Abdul Ghani bersalaman dengan hadirin yang hadir dan ditarik dengan kenderaan istiadat oleh Pegawai-Pegawai Kanan sehingga ke pintu Balai Pengawal sebagai tanda penghormatan terakhir sebelum menandatangani Buku Pelawat buat kali terakhir.



# Serah Terima Tugas Jawatan Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan)

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

**B**ukit Aman, 15 Julai 2011 - Majlis serah terima tugas Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) telah berlangsung di Auditorium Tingkat 16, Menara 2, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) sebelum ini, DCP Dato' Mortadza Nazarene telah menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Polis Sarawak dan jawatan lama beliau telah diserahkan kepada P/DCP Dato' Abd Rahim Haji Hanafi yang sebelum ini bertugas sebagai Ketua Polis Kontinjen Kelantan.

Majlis Serah Terima Tugas ini disaksikan CP Dato' Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism) PDRM.



# SERAH TERIMA TUGAS JAWATAN Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

**B**ukit Aman, 27 Julai 2011 - Majlis Serah Terima Tugas Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan) telah berlangsung di Mess Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

SAC Dato' Muhammad Nadzri Haji Ismail, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan) yang telah besara wajib, menyerahkan jawatan kepada P/SAC Hasanuddin Hassan, disaksikan oleh DCP Dato' Acryl Sani Abdullah Sani, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan/Perundangan) Bukit Aman.

Turut hadir SAC Dato' Nizar Mohd Ali, Ketua Pengarah Pengurusan (Perkhidmatan), SAC Dato' Dr. Hashim Haron, Timbalan Pengarah Agama Dan Kaunseling (BAKA) Bukit Aman.





## Datuk Mortadza dilantik sebagai Pengarah Pengurusan PDRM

Oleh : SM Megat Nizar

**B**ukit Aman, 16 Disember 2011 – Komisioner Polis Datuk Mortadza Nazarene, dilantik sebagai Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), berkuat kuasa pada 16 Disember 2011.

Datuk Mortadza dilahirkan pada 26 Julai 1956, menyertai PDRM sebagai Kadet ASP dan menjalani latihan asas kepolisan di Maktab PDRM, Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 8 Januari 1984.

Sebaik sahaja tamat latihan asas kepolisan, Datuk Mortadza ditukarkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Klang, Selangor. Setelah itu Datuk Mortadza melanjutkan pelajarannya ke Loughborough University, United Kingdom dan berjaya memperolehi Sarjana Sains (Kriminologi).

Pada tahun 1996 dinaikkan ke pangkat Deputy Superintenden Polis dan menjawat jawatan sebagai DSP Pentadbiran di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman. Manakala pada tahun 1999 dinaikkan ke pangkat Superintenden Polis dengan menjawat jawatan sebagai Supt. Pengajian Siasatan Dadah, Cawangan Latihan, Maktab PDRM Kuala Lumpur, Cheras.

Pada 1 Julai 2002 dinaikkan ke pangkat Asisten Komisioner Polis dan dilantik sebagai Ketua Makmal Forensik, Jabatan

Siasatan Jenayah. Setelah itu dilantik memegang jawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah dengan pangkat Senior Asisten Komisioner Polis.

Dengan kewibawaan dan ketokohan yang dimiliki, Datuk Mortadza diberikan amanah dan kepercayaan oleh pucuk pimpinan pasukan dengan memegang jawatan sebagai Ketua Polis Melaka. Selepas itu pula dilantik sebagai Timbalan Pengarah I, Jabatan Siasatan Jenayah dengan pangkat Deputy Komisioner Polis.

Manakala pada 1 Oktober 2009, Datuk Mortadza dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) dan pada 16 Julai 2011 dilantik pula sebagai Pesuruhjaya Polis Sarawak.

Setelah berjaya membuktikan keupayaan sebagai Pesuruhjaya Polis Sarawak dengan cemerlangnya, Datuk Mortadza Nazarene dinaikkan ke pangkat Komisioner Polis dan dilantik sebagai Pengarah Pengurusan PDRM.

Majlis serah terima jawatan di antara SAC Dato' Haji Abd. Rahim Haji Hanafi, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan), dengan CP Datuk Mortadza Nazarene, disaksikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



## Majlis Serah Dan Terima Tugas Jawatan Komander Pasukan Simpanan Persekutuan

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

**B**ukit Aman, 23 September 2011 - Syabas kepada SAC Abdul Hamid Mohd Ali atas kenaikan pangkat beliau sebagai Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) yang telah berlangsung di Tingkat 29, menara 1, Bukit Aman.

"Saya yakin dan percaya bahawa SAC Abdul Hamid Mohd Ali dapat menjalankan tugas dan kewajipan dengan lancar kerana Cawangan PSP ini merupakan satu elemen yang amat penting khususnya dalam menghadapi ancaman ketenteraman awam di negara ini. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah sebagai Komander PSP", ucap CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA di Majlis Serah Terima Tugas Komander PSP.

Turut hadir ialah DCP Dato' Abdul Rahman Hussin, Timbalan Pengarah I, Jabatan KDNKA, DCP Dato' Muhammad Wira Sabtu Osman, Timbalan Pengarah (Kepolisan dan Pencegahan Jenayah) Jabatan KDNKA, DCP Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim, Timbalan Pengarah (PGA/Pengurusan Sempadan/Kawalan Keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa) Jabatan KDNKA.



## PDRM pertingkatkan program pengajian dengan UKM



Oleh : SM Megat Nizar

**K**uala Lumpur, 23 September 2011 - Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menjalankan kajian bagi memantapkan lagi program pengajian kepolisan yang ditawarkan menerusi kolaborasi dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Mereka perlu memikirkan, melihat serta membuat kajian dalaman di samping berinteraksi dengan pihak lain khususnya UKM dalam usaha untuk mengenal pasti

kursus yang sesuai dan relevan dalam konteks masa kini".

"Kursus terutamanya dalam forensik, perakaunan forensik, hak intelektual, jenayah komputer dan sebagainya perlu diberi perhatian".

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara ketika berucap di Majlis Penutupan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan) dan Program Diploma Siswazah Sains Kepolisan Sesi 2010/2011 di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Maktab PDRM Kuala Lumpur, Cheras.

Pada majlis itu, seramai 52 pegawai yang mengikuti

pengajian Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan) dan Diploma Siswazah Sains Kepolisan Sesi 2010/2011, telah berjaya menamatkan pengajian mereka.

"Bagi pihak UKM, kami sentiasa mempertingkatkan kualiti program pengajian yang ditawarkan bagi memastikan ianya relevan dengan peredaran zaman dan turut mengkaji dan melihat semula kursus yang ditawarkan setiap dua tahun bagi memenuhi keperluan PDRM," kata Prof. Dr. Abdul Rahim Md. Nor, ketika berucap di majlis itu bagi mewakili Naib Canselor UKM.

Pada majlis itu ACP Razarudin Husain @ Abd. Rasip, dinobatkan sebagai Graduan Terbaik Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan) dan DSP Mohd Asri Mohd Akhir, Graduan Terbaik Program Diploma Siswazah Sains Kepolisan Sesi 2010/2011.



## “DURIAN RUNTUH” kepada Lans Koperal

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

**C**heras, 10 September 2011 - Perdana Menteri Malaysia telah meluluskan kenaikan pangkat seramai 16,010 anggota polis berpangkat Lans Koperal ke Koperal secara 'time-based', tanpa melalui proses temuduga dengan memenuhi syarat-syarat perkhidmatan selepas lima tahun berkhidmat.

Kenaikan pangkat secara 'time-based' ini diumumkan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara kepada wakil-wakil media pada Majlis Sambutan Aidilfitri, '1 JSJ 1 Lebaran' di Dataran Kawad Forensik, Makmal Forensik, Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur, Cheras.

"Selepas 3 tahun berkhidmat, anggota polis akan dimajukan ke pangkat Lans Koperal dan selepas 5 tahun perkhidmatan sebagai Lans Koperal, anggota tersebut layak dinaikkan pangkat ke

Koperal dengan syarat telah memenuhi syarat perkhidmatan iaitu lulus Undang-Undang Rendah Jabatan, lulus tapisan jabatan iaitu tapisan tatatertib, PTPTN dan SPRM serta diperakukan oleh Pegawai Pemerintah", ucap Ketua Polis Negara.

Tambah beliau lagi, untuk kenaikan pangkat kategori Koperal ke Sarjan, Sarjan ke Sarjan Mejar dan Sarjan Mejar ke Sub-Inspektor, kaedah temuduga masih diguna pakai.

Tetamu telah disajikan dengan pelbagai hidangan yang membuka selera, dihiburkan dengan persembahan oleh Kombo PDRM serta nyanyian, tarian dan persembahan yang mencuit hati dari warga JSJ. Beberapa hamper juga telah diberikan kepada tetamu yang bertuah dan tidak ketinggalan duit hari raya kepada kanak-kanak yang disampaikan oleh Ketua Polis Negara dan isteri.

## Dato' Salleh semat Pangkat 'Time-Based'

Oleh : L/Kpl Fansus Jangor



**C**heras, 28 September 2011 – Upacara Pemakaian Pangkat 'Time-Based' telah berlangsung di Dataran Kawad Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Cheras.

Majlis Upacara Pemakaian Pangkat melibatkan 95 orang Lans Koperal dan 7 orang Lans Koperal Sokongan dan disempurnakan oleh CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA, DCP Dato' Wira Muhammad Sabtu Osman, Timbalan Pengarah KDNKA (Kepolisian/Pencegahan Jenayah), DCP Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim, Timbalan Pengarah KDNKA (PGA/Pengurusan/Sempadan/Kawalan Sempadan) dan SAC Abd Hamid Md Ali, Komander Pasukan Simpanan Persekutuan.

Turut hadir Datin Puziah Bahari, Pengerusi PERKEP Jabatan KDNKA, SAC Dato' Mohd Sueb Abdullah, Timbalan Pengarah II KDNKA, Pegawai Kanan Polis, Anggota Polis, ahli keluarga penerima pangkat dan rakan media.

Seramai 16,010 Lans Koperal akan dinaikkan pangkat secara serta-merta manakala seramai 14,716 orang melibatkan Skim APR & Konstabel Sokongan dan Skim Konstabel Orang Asli akan dinaikkan pangkat secara berperingkat. Kenaikan pangkat secara 'time-based' turut merangkumi anggota yang telah bersara wajib dan yang telah meninggal dunia.



# Hargai Tugas Polis - Titah Sultan Azlan

Oleh : SM Megat Nizar

**I**poh, 28 Julai 2011 – Duli Yang Maha Mulia (DYMM), Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah, mengajak seluruh rakyat menghargai tugas polis yang telah banyak berkorban demi kesejahteraan rakyat dan ketenteraman negara.

“Polis bukan sahaja wajib dihargai tetapi dibantu untuk mengurangkan beban mereka bagi membolehkan pasukan itu melaksanakan tugas dengan lebih berkesan”.

“Anggota polis telah banyak melakukan pengorbanan untuk ketenteraman negara tetapi sedikit sekali mendapat penghargaan rakyat. Sebagai pasukan yang memiliki hampir 90,000 anggota yang terdiri daripada manusia biasa, adakalanya berlaku kelemahan di sana sini, tetapi sebagai sebuah pasukan mereka telah berjaya memelihara keamanan dan ketenteraman negara”.

Demikian titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM), Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah, ketika merasmikan Pangkalan Latihan Unit Udara Polis Diraja Malaysia di Ipoh, Perak.

“Mereka sewajibnya dihargai, semoga setiap anggota terus diberikan kecekalan dan ketabahan berkhidmat untuk warga dan negara bangsa,” Titah Sultan Azlan di majlis yang bersejarah itu. Turut berangkat Raja Permaisuri Perak Tuanku Bainun, Raja DiHilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja Puan Muda Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah.


Sultan Azlan bertitah, individu dan organisasi yang ingin memperjuangkan sesuatu isu mempunyai tanggungjawab terhadap negara dan warga serta tanggungjawab perundangan untuk bersikap adil kepada polis.

Titah Sultan Azlan lagi, “Peraturan dan undang-undang digubal bagi menjamin berlakunya keharmonian dalam kehidupan harian rakyat. Justeru amat penting peraturan dan undang-undang itu sentiasa dihormati.”

Dalam pada itu, Sultan Azlan bertitah, fenomena mencabar autoriti yang kini menjadi norma dalam budaya hidup generasi muda baru di negara ini perlu difahami serta ditafsirkan dengan bijak supaya dapat menggubal langkah-langkah untuk menghadapinya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak dan Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Kompleks Pangkalan Latihan Unit Udara Polis Diraja Malaysia, Ipoh, Perak itu dibina dengan kos RM109 juta dan mulai diduduki oleh warga PDRM 1 Mac 2011.





## Perbaiki persepsi masyarakat - TPM

Oleh : SM Megat Nizar

**Kuala Lumpur, 18 Ogos 2011 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu terus meningkatkan kecemerlangan pencapaian pasukan walaupun kadar indeks jenayah dan jenayah jalanan dalam inisiatif Bidang Kebersihan Utama Negara (NKRA) mencatatkan penurunan.**

“Kerajaan mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap PDRM sebagai faktor utama yang perlu ditangani dengan efektif bagi mengelak kesan negatif”.

“Ini berikutan PDRM seperti pasukan keselamatan di negara lain turut terdedah dengan risiko persepsi sama ada ia memberi kesan positif mahupun sebaliknya. Tidak dinafikan antara cabaran utama PDRM masa kini adalah mengenai persepsi ramai berhubung rasuah dan kekerasan ke atas

orang kena tahan. Justeru PDRM perlu perbaiki persepsi masyarakat walaupun penurunan berlaku di dalam pencapaian NKRA mengurangkan jenayah”.

Demikian kata Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri, ketika berucap pada majlis perjumpaan khas bersama warga PDRM di Maktab PDRM Kuala Lumpur, Cheras.

Tambah Tan Sri Muhyiddin lagi, “kerajaan yakin PDRM mampu menangani isu-isu persepsi yang dibangkitkan melalui usaha mengukuhkan budaya integriti dan urus tadbir yang lebih tinggi di samping aktif dengan rakyat mengenai pencapaian yang membanggakan PDRM secara berterusan dan konsisten”.

“Ini berdasarkan penilaian secara yang dilakukan melalui soal selidik iaitu

‘Meningkatkan Kepuasan Rakyat Terhadap Prestasi PDRM’ pada bulan Mei 2011, menunjukkan sebanyak 55 peratus rakyat berpuas hati terhadap prestasi PDRM”.

“Persepsi pencapaian PDRM itu mengalami peningkatan berbanding pada 2009 yang mencatatkan hanya 35 peratus”, ujar Tan Sri Muhyiddin di majlis yang turut dihadiri oleh Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, Timbalan-Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop dan Datuk Lee Chee Leong serta Deputy Inspektor Jeneral Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara.

Pada majlis itu warga PDRM amat teruja apabila Tan Sri Muhyiddin turut meluahkan masa beramah mesra dengan mereka di majlis yang bersejarah itu.





# PM saksi tamat latihan

Oleh : SM Megat Nizar

**Port Dickson, 30 Julai 2011 - Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah menyaksikan Perbarisan Tamat Latihan Perdana membabitkan dua pasukan keselamatan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**

Perbarisan yang dipamerkan berasas strategi lautan biru itu sebagai titik permulaan ke arah menyatukan dua pasukan tersebut demi memelihara keamanan dan keharmonian negara ini.

"Selama ini, pasukan tentera dan polis bergerak berdasarkan haluan masing-masing, tetapi dengan perbarisan secara bersama yang dipertontonkan ia dapat memecahkan tembok pemisah antara dua pasukan berkenaan".

"Selepas ini, tentera dan polis tidak lagi bergerak dalam 'cylo' masing-masing. Mereka kini boleh berjabat tangan, bermuafakat,

berbincang dan bersetuju bahawa tentera dan polis adalah rakan kongsi yang saling bantu-membantu demi kepentingan agama, bangsa dan negara".

"Inilah yang dikatakan situasi menang-menang. Polis akan dapat mencapai objektif mengurangkan kadar jenayah, tentera pula mendapat pulangan manakala negara mendapat keuntungan kerana berjaya menjimatkan belanja".

Demikian kata Dato' Sri Mohd Najib, ketika menyempurnakan Perbarisan Tamat Latihan Perdana melibatkan PDRM dan ATM di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson, Negeri Sembilan.

Seramai 2,107 Perajurit Muda yang terdiri daripada 1,913 pelatih lelaki dan 194 pelatih wanita serta 984 pelatih Konstabel Polis menyertai Perbarisan Tamat Latihan Perdana yang telah mencatat sejarah negara.



# PDRM / ATM

Dato' Sri Mohd Najib yang menyifatkan PDRM dan ATM adalah aset terpenting Malaysia sehingga menggelarkan kedua-dua pasukan itu sebagai tiang seri negara.

"Kedua-duanya merupakan institusi yang amat penting bagi negara kerana mereka adalah tonggak yang selama ini menjaga keselamatan dan keamanan negara. Sebab itu peristiwa hari ini menjadi satu lipatan sejarah kerana sederap mereka melakukan perbarisan telah menandakan tentera dan polis kini telah menjadi satu pasukan yang benar-benar bersatu padu," ujar Dato' Sri Mohd Najib.

Menurut Dato' Sri Mohd Najib lagi, melalui pendekatan terbaru itu, kerajaan boleh menjimatkan berjuta ringgit kerana tidak perlu membina pusat latihan asas untuk pasukan polis sebaliknya boleh menggunakan kemudahan yang dimiliki oleh pasukan tentera.

"Untuk membina sebuah pusat latihan asas untuk polis yang baru

memakan belanja sehingga RM150 juta dan terpaksa memakan masa selama dua tahun setengah sebelum dapat digunakan sepenuhnya. Namun, melalui penghantaran pasukan itu menjalani latihan di PUSASDA belanja yang dikeluarkan hanya RM1 juta sahaja yang mana pusat ini mampu menampung jumlah pelatih polis sehingga 1,000 orang," kata Dato' Sri Mohd Najib lagi.

Turut hadir di perbarisan yang bersejarah itu ialah Datuk Seri Utama Mohamad Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera dan Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



# Perbarisan Tamat Latihan Konstabel Lelaki Siri 2/2011

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

**K**uala Lumpur, 8 September 2011 - Polis Diraja Malaysia telah mencatat sekali lagi lipatan sejarah baru iaitu Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Latihan Asas Kepolisan Konstabel Lelaki Siri 2/2011 yang berlangsung di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Majlis Penutup Program Latihan Asas Kepolisan Konstabel Lelaki Siri 2/2011 telah disempurnakan oleh CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia (KDNKA).

Hadir sama ialah DCP Dato' Abd Rahim Haji Hanafi, Pemangku Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia, SAC Zulkifli Mohamed, Komandan Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur

CP Dato' Salleh Mat Rasid, mengucapkan syabas dan tahniah kepada 985 orang Pelatih Konstabel yang telah berjaya menamatkan Program Asas Kepolisan (PLAK) dengan jayanya. Tempoh enam bulan berada di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur telah diharungi oleh pelatih-pelatih Konstabel Lelaki dengan semangat yang tinggi untuk mendisiplinkan diri serta dilengkapi dengan pelbagai ilmu kepolisan yang telah dipelajari termasuk latihan kawad, latihan fizikal, perundangan, pengendalian senjata api, teknologi maklumat, pengetahuan agama, pendidikan moral dan pelbagai lagi.

"Berilah perkhidmatan yang cekap dan mesra kepada masyarakat, berkhidmat dengan ikhlas, cinta kepada PDRM agar PDRM sentiasa dijulung, bertindak mengikut peraturan dan berlandaskan undang-undang dan bekerjalah dalam satu pasukan", begitulah amanat oleh CP Dato' Salleh Mat Rasid kepada Pelatih Konstabel Polis sebelum mengakhiri ucapannya.



# PENGAMBILAN BEKAS TENTERA KE DALAM PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS



Oleh : DSP Zaiton Haji Hussain

**P**olisi pengambilan bekas tentera untuk diserap ke dalam PDRM ini adalah sebahagian daripada susulan kepada dasar utama negara iaitu Program Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Programme (GTP) yang diperkenalkan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri pada bulan April 2009. GTP mempunyai dua objektif utama - Pertama, untuk mentransformasikan Kerajaan agar lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat. Kedua, memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan taraf hidup yang tinggi untuk semua, sejajar dengan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan 2020 - Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Maka seiring dengan aspirasi GTP ini, yang antara objektif utamanya adalah mengurangkan kadar jenayah, maka pengambilan bekas tentera untuk diserapkan ke dalam PDRM adalah satu langkah ke arah merealisasikan matlamat tersebut. Usaha ini bukan sahaja memperkasakan PDRM dengan sumber tenaga baru bahkan ia diharap

dapat menambahkan lagi keberkesanan perkhidmatan pasukan polis ke tahap yang lebih dinamik selaras dengan Konsep 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Mengimbu kembali sinopsis bagaimana Kursus PLAK untuk bekas tentera ini mula terlaksana, di sini dinukilkan mengenai latar belakang program ini. Program Latihan Asas Kepolisan (Bekas Tentera) Siri 1/2011 dengan seramai 100 pelatih iaitu 95 lelaki dan 5 perempuan telah dijalankan pada 17 Januari 2011 di Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu, Selangor. Program latihan meliputi semua Latihan Asas Kepolisan iaitu dari segi Akademik, Latihan Luar dan Amali. Umur pelatih bekas tentera diantara 31 hingga 45 tahun.

Berdasarkan taraf pendidikan, 100 pelatih bekas tentera ini diterima berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia dengan pecahan 51 Konstabel dan 49 Konstabel Sokongan. Semasa latihan di Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu, pelatih tersebut telah dibahagikan kepada 3 platoon. Sungguhpun pelatih ini adalah bekas tentera tetapi Latihan Asas yang diberikan adalah sesuatu yang baru bagi mereka seperti pembelajaran undang-undang dan manual prosedur kerja. Ada dikalangan pelatih bekas tentera ini menghadapi kepayahan untuk mengikuti

Latihan Asas ini kerana telah terlalu lama meninggalkan lapangan ketenteraan.

Dalam pelaksanaan program ini terdapat empat objektif digariskan dalam membentuk dan melancarkan aktiviti pelatih bekas tentera seperti berikut :

- Memperolehi pengetahuan asas tentang Pasukan Polis Diraja Malaysia.
- Memperolehi pengetahuan asas undang-undang dan kaedah-kaedah penguatkuasaan undang-undang.
- Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam menghadapi dan menangani sebarang masalah jenayah terhadap nyawa dan harta benda.
- Mempunyai disiplin yang tinggi dan berkeyakinan dalam melaksanakan sebarang tugas kepolisan secara profesional, tegas, adil dan berhemah

Pada 14 Mei 2011, Upacara Perbarisan Tamat Latihan telah diadakan di Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu dengan dirasmikan oleh Datuk Lee Chee Leong, Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri.

Pada keseluruhannya Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) bagi bekas tentera ini berjalan dengan baik dan lancar. Atas sikap dan komitmen pelatih bekas tentera ini, mereka telah berjaya mengharungi latihan dan hasilnya terbukti dengan perbarisan tamat latihan yang dilaksanakan dengan sempurna. Program ini telah membuktikan bahawa PDRM dan ATM boleh bekerjasama dalam menyokong strategi kerajaan seterusnya mengurangkan kadar jenayah.



# PDRM anjur Hari

Oleh : SM Megat Nizar

**K**uala Lumpur, 31 Julai 2011 – Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, di sambut oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Istiadat dimulakan dengan lagu kebangsaan Negaraku dengan lagu kebangsaan Jalur Gemilang dinaiikkan, diikuti pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Istiadat diteruskan dengan Tiupan Paluan Akhir, dan Jalur Gemilang diturunkan. Selepas itu bacaan sajak berjudul 'Pahlawan' dideklamasikan oleh DSP Rose Bains Kasim dan P/ASP Mohamad Mahat, hasil ciptaan Mejar (B) Muhammad Awang.

Kemuncak istiadat dipersembahkan pentomin 'Pengkisahan Sejarah Pejuang-Pejuang Negara', yang memaparkan perjuangan anak-anak watan mempertahankan tanah air tercinta sehingga ketitisan darah yang terakhir.

Sejurus selesai persembahan pentomin, tiupan Paluan Fajar dimulakan bertujuan menaikkan Jalur Gemilang.

Istiadat diteruskan dengan titah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Setelah itu laungan 'Daulat Tuanku' sebanyak tiga kali berkumandang dengan gagahnya sebelum diakhiri bacaan doa yang disampaikan oleh Supt. Haji Ghazali Haji Daud, Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), Bukit Aman.

Turut hadir di istiadat itu ialah Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid, Menteri Pertahanan, Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dan Jenaral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia.

Sebelum berangkat pulang, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, berkenan bersalaman dengan para penerima pingat SP dan PGB. Istiadat yang bersejarah itu, disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM.



# Pahlawan 2011





# MAJLIS PENGANUGERAHAN BALAI LEAGUE TABLE SIRI 1/2011

OLEH

YDH. IG TAN SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI OMAR

KETUA POLIS NEGARA

22 JULAI 2011



## MAJLIS PENGANUGERAHAN BALAI LEAGUE TABLE SIRI 1/2011

Oleh : L/ Kpl. Fansus Jangor

**K**uala Lumpur, 22 Julai 2011 - Majlis Penganugerahan Balai League Table 2011 telah berlangsung di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Majlis tersebut dirasmikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Penganugerahan Balai League Table 2011 ini adalah untuk meraikan kejayaan anggota-anggota polis di balai-balai yang memperolehi prestasi tertinggi dan berjaya menduduki ranking teratas dalam kategori balai masing-masing.

Bagi Kategori A tempat Pertama dimenangi Balai Polis Wangsa Maju, Sentul, Kuala Lumpur, tempat Ke-2 dimenangi Balai Polis Jinjang, Sentul, Kuala Lumpur dan tempat Ke-3 dimenangi Balai Polis Batu 9, Kajang, Selangor. Bagi Kategori B, dimenangi Balai Polis Kluang, Johor, tempat Ke-2 dimenangi Balai Polis Salak Selatan Baru, Cheras, dan tempat Ke-3 dimenangi Balai Polis Banting, Selangor.

Kategori C pula tempat Pertama dimenangi Balai Polis Pendang, Kedah, tempat Ke-2 dimenangi Balai Polis Bandar Baru, Timur Laut, Pulau Pinang, dan tempat Ke-3 dimenangi Balai Polis Gurun, Kuala Muda, Kedah. Kategori D, tempat Pertama dimenangi Balai Polis Gunong, Bachok, Kelantan, tempat Ke-2 Balai Polis Papar, Sabah dan tempat Ke-3 Balai Polis Air Jernih Kemaman, Terengganu. Kategori E, tempat Pertama dimenangi Balai Polis Taman Pasir Putih, Seri Alam Johor, tempat Ke-2 dimenangi Balai Polis Aulong, Taiping, Perak dan tempat Ke-3 Balai Polis Changkat Jering Taiping, Perak.

Turut hadir Dato' Abdul Rahim Mohd Radzi, Timbalan Ketua Setiausaha Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri, Deputi Inspektor Jeneral, Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM merangkap Penaung Initiative 12 Balai League Table NKRA bagi NKPI, Eugene Teh, Pengarah NKRA Jenayah (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

